


SINOPSIS BUKU:

PENJELASAN MENGENAI FARDHU AIN & FARDHU KIFAYAH

Oleh: Unit Pusat Sumber Jabatan Mufti Negeri Perak



Suatu hari, perdana menteri Malaysia ketika itu YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad telah membangkitkan isu-isu berkaitan fardhu ain dan fardhu kifayah. Ia mengundang persoalan-persoalan lanjut sehingga timbul keperluan yang amat dalam menjelaskan isu tersebut. Oleh kerana statusnya sebagai perdana menteri, tidak ada cendiakawan Islam di negara ini yang berani menjawab dan menjelaskan salah faham tersebut. Lalu tampillah Mufti Negeri Perak, YBhg. S.S. Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani Bin Haji Zakaria (ketika itu belum bergelar Tan Sri) menjawab dan memberi penjelasan tentang perkara itu. Beliau sememangnya terkenal dengan keberanian dalam menegakkan hak walau siapa pun gerangan di hadapan beliau.

Buku ini adalah jawapan dan penjelasan beliau tentang hal-hal berkaitan fardhu ain dan fardhu kifayah yang telah ditimbulkan dan disalah fahami. Ianya sangat ringkas dan padat, mudah difahami terutamanya oleh orang awam yang bukan agamawan. Ia mengupas pentakrifan fardhu ain dan fardhu kifayah secara tuntas berserta keterangan-keterangan mudah meliputi hubungan fardhu ain dengan diri, keluarga, masyarakat dan jiran tetangga. Ianya juga menerangkan dengan baik tentang iman dan hasil memenuhi tuntutan iman. Buku ini sangat sesuai untuk masyarakat memahami dengan jelas tentang fardhu ain dan fardhu kifayah.